

29 SEPTEMBER 2017

Enam ditahan bersama syabu 309kg

→ **JENAYAH**

[FOTO GHAZALI KORI /BH]



Mohmad pada sidang media rampasan dadah terbesar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu, semalam.

Enam ditahan bersama syabu 309kg

➔ Operasi di dua negeri rampasan terbesar polis tahun ini

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Polis merampas syabu dengan berat keseluruhan 309 kilogram (kg) bernilai hampir RM22 juta dan menahan enam lelaki dalam dua serbuan di Terengganu dan Pulau Pinang pada Isnin dan Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata ia rampasan dadah terbesar di negara ini tahun ini.

Katanya, operasi dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dan turut disertai Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman dengan kerjasama Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Terengganu dan Pulau Pinang.

Tahan dalam treler

Beliau berkata, dalam operasi pertama di Bukit Payong, Marang pada Isnin lalu, polis menahan tiga lelaki berusia 25 hingga 53 tahun termasuk dua ditahan dalam sebuah treler membawa 288kg syabu bernilai RM20.2 juta.

"Susulan penahanan dua suspek, kita menahan seorang lagi rakan mereka di Klang, Selangor.

"Polis turut menyita wang tunai RM2,750 dan dua kereta, Mitsubishi Triton dan Chevrolet Colorado serta treler digunakan untuk membawa dadah itu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Polis Terengganu, Datuk Aidi Ismail.

Mohmad berkata, dalam serbuan kedua di Pulau Pinang kelmarin, pihaknya menahan tiga lelaki berusia 32 hingga 43 tahun dan merampas syabu seberat 20.5kg bernilai RM1.4 juta.

"Kita turut menyita dua kenderaan, iaitu Nissan Xtrail dan Toyota Camry bernilai RM150,000. Siasatan mendapati dua sindiket ini membawa masuk bahan terlarang ini melalui sempadan.

"Mereka menyorokkan syabu berkenaan dalam bungkus teh bagi mengaburi pihak berkuasa," katanya sambil menambah, polis percaya bekalan dadah itu untuk diedarkan di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak.

Katanya, ujian air kencing mendapati semua suspek negatif dadah dan mereka kini direman tujuh hari untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.